AUTHOR: Oleh MOHD AZLIM ZAINURY MAT NOOR SECTION: BISNES PAGE: 30 PRINTED SIZE: 807.00cm²
REGION: KL MARKET: Malaysia PHOTO: Full Color ASR: AUD 6,158.00 ITEM ID: MY0068903498

21 APR, 2026

angkat produk desa ke arus peruncitan moden

Sinar Harian, Malaysia



RisSMart Grocer angkat produk desa ke arus peruncitan moden

Pembukaan di Pusat Bandar Kwasa Damansara, Shah Alam perkukuh agenda pembangunan ekonomi desa

Oleh MOHD AZLIM ZAINURY MAT NOOR

PIHAK Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) melalui syarikatnya, RISDA Agri Food Industries Sdn Bhd (RAFI) terus memperkukuh agenda pembangunan ekonomi desa menerusi pengenalan RisSMart Grocer.

RisSMart Grocer, sebuah pasar raya moden tampil dengan identiti tersendiri sebagai platform pengembangan produk usahawan desa dalam ekosistem perniagaan, peruncitan dan perkhidmatan yang lebih tersusun, progresif serta berdaya saing.

Ia telah dirasmikan Timbalan Perdana Menteri yang juga merupakan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi di Urban Eats@Kwasa Damansara pada Ahad.

Hadir sama, Menteri Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Dr Noraini Ahmad; Pengerusi RISDA, Manndzri Nasib; Ketua Setiausaha KKDW, Datuk Muhd Khair Razman Mohamed Annuar serta Ketua Pengarah RISDA, Zainal Azni Zulkifli.

Perasmian RisSMart Grocer mencerminkan komitmen berterusan Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) untuk memacu pembangunan desa melalui pendekatan lebih inovatif, inklusif dan berimpak langsung kepada rakyat, khususnya komuniti pekebun kecil dan usahawan desa.

Pasar raya berkenaan dibangunkan di atas premis seluas 14,000 kaki persegi menghimpunkan keperluan harian, produk segar, produk sejuk beku, barangan isi rumah, barangan import dan produk usahawan tempatan dalam satu ekosistem peruncitan komprehensif.

Keunikan utama RisSMart Grocer terletak pada peranannya mengetengahkan produk usahawan bimbingan RISDA dalam persekitaran peruncitan lokal.

Produk usahawan desa yang sebelum ini lazimnya dipasarkan secara terhad, kini diberi ruang untuk tampil lebih yakin dalam suasana pasar raya moden, tersusun dan diyakini pengguna.



RisSMart Grocer menghimpunkan produk usahawan pekebun kecil seiring dengan pelbagai produk tempatan lain dalam satu platform peruncitan moden.

FOTO: ROSLI TALIB



Ahmad Zahid (kanan) meninjau RisSMart Grocer di Pusat Bandar Kwasa Damansara.

Pendekatan ini sekali gus meningkatkan keterlihatan, nilai komersial dan keyakinan pasaran terhadap produk-produk desa.

Dibuka secara rasmi pada Mac lalu, RisSMart Grocer melibatkan 51 usahawan sebagai rakan niaga dan pembekal, dengan sebanyak 265 SKU produk usahawan dipasarkan serta nilai belian melebihi RM300,000.

Dalam masa sama, RisSMart Grocer menawarkan lebih 6,000 SKU merangkumi pelbagai kategori produk bagi memenuhi pelbagai segmen pelanggan.

RisSMart Grocer turut mengangkat pendekatan *farm-to-market* iaitu model yang menghubungkan pengeluar secara terus kepada pengguna.

Model berkenaan membantu mengurangkan kebergantungan kepada orang tengah, meningkatkan margin pendapatan pengeluar dan usahawan, serta membolehkan harga yang kompetitif ditawarkan kepada pengguna.

Pendekatan ini memperlihatkan bagaimana ekosistem peruncitan moden boleh dimanfaatkan dalam membina rantaian nilai yang adil, cekap dan mampan bagi komuniti desa.

Dari sudut operasi, pasar raya ini disokong RisSMart Processing dan Distribution Centre (PDC) dan RisSMart Distribution Centre (RDC) berperanan sebagai hab logistik utama dalam memastikan kecekapan operasi, kelancaran bekalan dan konsistensi kualiti produk.

Selain itu, RisSMart Grocer turut menampilkan konsep *retail and experience* melalui kehadiran RisSMart Anthology, iaitu komponen kafe ringkas moden menjadikan premis ini bukan sekadar ruang membeli-belah, tetapi juga destinasi gaya hidup harian yang lebih moden, segar dan kontemporari.


Lebih penting, RisSMart Grocer tidak hanya menyediakan ruang pasaran kepada usahawan, tetapi turut membantu memperkukuh kesiapsiagaan mereka dalam aspek penjenamaan, pembungkusan, pematuhan piawaian keselamatan makanan, strategi pemasaran, penetapan harga dan pengurusan rantaian bekalan.

RisSMart Grocer juga membawa makna lebih besar daripada sekadar pembukaan sebuah pasar raya.

Ia mencerminkan transformasi dan inovasi RISDA dalam pembangunan desa melalui pendekatan yang bukan sahaja membuka ruang, tetapi membina keupayaan, bukan sekadar memasarkan produk, tetapi memperkasa ekosistem.

© Rural Press Pty Limited. No redistribution is permitted. This content can only be copied and communicated with a copyright licence.

AUTHOR: Oleh MOHD AZLIM ZAINURY MAT NOOR SECTION: BISNES PAGE: 30 PRINTED SIZE: 807.00cm²
REGION: KL MARKET: Malaysia PHOTO: Full Color ASR: AUD 6,158.00 ITEM ID: MY0068903498



21 APR, 2026

angkat produk desa ke arus peruncitan moden

Sinar Harian, Malaysia

SUMMARIES

RisSMart Grocer
Pembukaan di Pusat Bandar Kwasa Damansara, Shah Alam perkukuh agenda pembangunan ekonomi desa
PIHAK Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) melalui syarikatnya, RISDA Agri Food Industries Sdn Bhd (RAFI) terus memperkukuh agenda pembangunan ekonomi desa menerusi pengenalan RisSMart Grocer. RisSMart Grocer, sebuah pasar raya moden tampil dengan identiti tersendiri sebagai platform pengembangan produk usahawan desa dalam ekosistem perniagaan, peruncitan dan perkhidmatan yang lebih tersusun, progresif serta berdaya saing.

© Rural Press Pty Limited. No redistribution is permitted. This content can only be copied and communicated with a copyright licence.